

BAHAGIAN GOVERNAN

Rujukan Tuan :  
Rujukan Kami : UPSI/PEND/BG1/597 (08/19)  
Tarikh : 23 Disember 2019  
26 R'akhir 1440H

SPP UPSI BIL. 8 TAHUN 2019

Semua  
Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2019**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-126 Bil.6/2019 pada 2 Disember 2019 telah bersetuju meluluskan pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 diberi kepada pegawai Perkhidmatan Awam UPSI di Gred 56 dan ke bawah seperti berikut:

- 2.1 Semua pegawai dari skim berwaran iaitu sebanyak RM500.00.
- 2.2 Bantuan Khas Kewangan RM 500.00 ini dipanjangkan kepada PSH yang masih berkhidmat pada 18 Disember 2019 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut.
- 2.3 Bagi pesara yang bersara tahun 2019 dan dilantik secara *contract of service* akan dibayar RM250.00 oleh UPSI
- 2.4 Pegawai yang meninggal dunia pada 18 Disember 2019 layak diberi Bantuan Khas Kewangan dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019. Pembayaran pencen terbitan akan dibayar RM250.00 oleh UPSI.

3. Tarikh pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 ini adalah pada 18 Disember 2019.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PPj. KEHORMAT (PA) DR. HAJJAH ZAINAB BINTI OTHMAN)**  
Pendaftar

Dikelilingkan kepada : Semua ketua pusat tanggungjawab

No. Fail: UPSI/PEND/BG1/597 (08/19)

No.Siri: UPSI/BG/DASAR/SPP110

s.k : Y. Bhg. Dato' Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)